

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 4 (39)  
Tarikh : 25 Disember 2021

**Semua Pensyarah**  
**Semua Pelajar**  
**Universiti Teknologi Malaysia**

Saudara/i,

**PEMAKLUMAN PENANGGUHAN KULIAH DAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN  
PENGAJARAN MULAI 26 – 31 DISEMBER 2021 SEMESTER I SESI 2021/2022**

Surat UTM.J.08.01/10.12/21 Jld. 4 (38) bertarikh 21 Disember 2021 dan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berdasarkan kepada keadaan banjir kilat yang berlaku di beberapa negeri masih belum pulih dan ramai pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang terkesan masih dalam peringkat pemulihan, pihak Pengurusan Universiti bersetuju **SESI PERKULIAHAN DAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (P&P) DITANGGUHKAN MULAI 26 – 31 DISEMBER 2021.**

3. Pihak Pengurusan Universiti juga mengambil maklum ramai pelajar terlibat dalam memberikan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir yang telah bermula pada 19 Disember 2021 yang lalu. Pihak UTM mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat di atas usaha yang murni ini.

4. Sekali lagi, seluruh warga UTM mendoakan agar semua pelajar dan keluarga yang terkesan akibat banjir kilat ini akan dipermudahkan urusan dalam peringkat pemulihan ini dan diberi ketabahan untuk mengharungi ujian dan cabaran serta dilindungi daripada perkara-perkara yang memudharatkan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. HISHAMUDDIN BIN MOHD ALI)**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Malaysia

- sk
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pendaftar
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
  - Dekan Fakulti/Pengerusi Sekolah